

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN]

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah Orang Kurang Upaya (OKU) dan ibu tunggal yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat setakat ini, dan daripada itu, berapakah daripada mereka yang telah menerima bantuan secara 'one-off' sebanyak RM300 untuk pakej rangsangan COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) bagi melaksanakan Bantuan Khas kepada Orang Kurang Upaya (OKU) dan Ibu Tunggal di bawah inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang telah diumumkan pada 5 Jun 2020 yang lalu. Bantuan Khas OKU diselaraskan oleh JKM manakala Bantuan Khas Ibu Tunggal diselaraskan oleh JPW.

Bantuan Khas Orang Kurang Upaya (OKU) PENJANA

Berdasarkan statistik JKM, terdapat **190,000** OKU yang didaftarkan di dalam Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (*eBantuanJKM*) layak

menerima Bantuan Khas OKU PENJANA. Kadar Bantuan Khas ini adalah sebanyak RM300 sekaligus.

Bantuan Khas ini merupakan bantuan bersasar yang dikhususkan kepada Penerima Bantuan di bawah skim Bantuan Kewangan Bulanan OKU iaitu Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Bekerja (BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT).

Pecahan keseluruhan penerima bantuan Skim OKU yang layak adalah seperti berikut:

BIL	SKIM BANTUAN	JUMLAH PENERIMA
1.	Elaun Pekerja Cacat (EPC)	87,910
2.	Bantuan OKU Tidak Bekerja	75,722
3.	Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT)	26,368
Jumlah Keseluruhan		190,000

Bantuan Khas Ibu Tunggal (PENJANA)

Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) di bawah inisiatif PENJANA dijangkakan akan dapat membantu seramai **150,000** ibu tunggal dengan jumlah peruntukan sebanyak RM45 juta. Bantuan sebanyak RM300 sekaligus ini bertujuan untuk membantu ibu tunggal yang terjejas.

Sehingga 1 Jun 2020, JPW telah menerima **41,069** permohonan BKIT di seluruh negara yang melibatkan **37,740** permohonan dalam talian dan **3,329** permohonan manual. Manakala jumlah penerima BKIT di bawah JKM adalah seramai **30,500** orang.